

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Datuk Joseph Salang anak Gandum**  
**[ Julau ]**

**TARIKH** : **3 April 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN** :

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan graduan kelas pertama di Universiti Awam diberi peluang untuk dilantik ke jawatan di sektor awam sebagai langkah menyerap graduan cemerlang dan menambahkan kualiti sektor awam.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mendapatkan bakat-bakat terbaik (*best talent*) untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam sebagai salah satu langkah meningkatkan kualiti perkhidmatannya. Sehingga Disember 2013, SPA telah melantik seramai 1,994 orang bakat terbaik yang terdiri daripada 1,970 orang calon pemegang ijazah dan diploma dengan

CGPA 3.50 ke atas atau Kelas Pertama, 1 orang calon lulusan universiti terkemuka dunia dan 23 orang calon yang mempunyai kelayakan Doktor Falsafah (PhD). Ini adalah usaha SPA untuk menyerap graduan cemerlang termasuk graduan dari universiti awam ke dalam sektor perkhidmatan awam agar graduan-graduan ini dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan kualiti pentadbiran negara.

Walaupun bagaimanapun, perlu diingat bahawa pelantikan calon ke dalam perkhidmatan awam adalah bergantung kepada kesesuaian bidang, keperluan Kementerian/Jabatan dan kekosongan jawatan yang ada. Di samping itu, pelantikan graduan juga tertakluk kepada keputusan prestasi mereka semasa menduduki peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga yang telah disyaratkan. Sebagai contoh, bagi pelantikan jawatan Pegawai Tadbir & Diplomatik, graduan wajib lulus peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga sebelum boleh ditawarkan ke perkhidmatan awam bagi memastikan bahawa calon bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah mempunyai kompetensi yang terbaik untuk melaksanakan tanggungjawab sekiranya dilantik sebagai penjawat awam.

Sekian, terima kasih.